

1974

KUALA LUMPUR, 21 SEPTEMBER (BERNAMA) -- ENCIK FAN YEW TENG MALAM TADI TELAH DISOAL TENTANG PENDIRIANNYA DAN PARTINYA (DAP) TERHADAP RUKUNEGARA.

INI BERLAKU APABILA ENCIK FAN, SEORANG DARIPADA AHLI PANEL DALAM PERBAHASAN AGUNG EKONOMI DI UNIVERSITI MALAYA BERHUKUM DENGAN +BERAPI-API+ DAN PADA SATU KETIKA MENCAMPAKAN RISALAH RUKUNEGARA.

MELIHAT TINDAKAN BELIAU ITU SEORANG PENUNTUN TELAH BERTANYA ADAKAH PERBUATANNYA ITU MENUNJUKAN BAHAWA BELIAU CUBA MEMPERKECILKAN NIAT SUCI YANG TERKANDONG DALAM RUKUNEGARA UNTUK MENGUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT MALAYSIA YANG ADIL DAN PROGRESIF.

DENGAN CARA Sambil LEWA ENCIK FAN MENJAWAB DIA BERBUAT BEGITU BUKANLAH KERANA TIDAK YAKIN TETAPI MERASA FRUST DENGAN CARA-CARA PARTI PEMERENTAH MELAKSANAKAN HASRAT ITU.

THEMA PERBAHASAN MALAM TADI IALAH +PEMBEDAHAN PILIHANRAYA NASIONAL 1974+. AHLI-AHLI PANEL YANG LAIN TERDIRI DARI MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, DR. TAN CHEE KHON, PRESIDEN KEBANGSAAN PEKEMAS DAN ENCIK OMAR IBRAHIM DARI BARISAN BEBAS BERSATU DARI KELANTAN. -- BERSAMBONG 1201/YF

ULANGAN PEMBETULAN BERITA 512:

512:
BAHAS 2 KUALA LUMPUR

DALAM HUKUMNYA, DR. MAHATHIR BERKATA, PERIKATAN TELAH MENAWARKAN KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG MEMASUKI BARISAN NASIONAL SECARA JUJUR SUPAYA MEREKA TURUT SAMA MEMERINTAH NEGARA INI.

MENGENAI TUDUHAN YANG DIBUAT OLEH ENCIK FAN DAN DR. TAN BAHAWA BARISAN NASIONAL BERHASRAT MEMBENTUK KERAJAAN SEBUAH PARTI, DR. MAHATHIR BERKATA, PERIKATAN BOLEH BERSENDIRIAN TANPA PARTI-PARTI PEMBANGKANG KALAU IA MAHU.

KERAJAAN, TEGASNYA LAGI, BOLEH BERBUAT DEMIKIAN SELEPAS TAHUN 1969 APABILA MAJLIS GERAKAN NEGARA DITUBUHKAN DENGAN KUASA-KUASA PERLU ADA DITANGAN PERIKATAN.

MENGENAI TUMPUAN ANTARA KAWASAN BANDAR DAN KAWASAN LUARBANDAR, DR. MAHATHIR BERKATA, INI DIBUAT SEBEGITU RUPA UNTUK MEMBERI PERHATIAN YANG BESAR KEPADA LUARBANDAR UNTUK MEMPERSEIMBANGKAN KEDUDUKAN KEDUA-DUA KAWASAN ITU.

IA DILAKUKAN DENGAN SEMANGAT YANG SUCI MENIMBANGKAN, ANTARA LAIN, PERHUBUNGAN YANG SUKAR DI LUARBANDAR DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DAN RAMAINYA YANG BUTA HURUF.
- BERSAMBUNG 1602/HS

50

ENCIK FAN SEBELUM ITU MENDAKWA BAHAWA PEMBAHARUAN KAWASAN SEMPADAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI TIDAK DIJALANKAN DENGAN BETUL.

BELIAU JUGA KESAL KERANA PENYEMAKAN SEMULA SEMPADAN KAWASAN PILIHANRAYA ITU DILULUSKAN OLEH PARLIMEN TANPA MEMBERI MASA YANG CUKUP UNTUK DIBAHASKAN.

ENCIK FAN KEMUDIAN MENYERU KERAJAAN MENUBUHKAN SEBUAH SURUHANJAYA DIRAJA PENYIASAT BAGI MENYIASAT APA YANG BELIAU SIFATKAN +KESAH WATERGATE MALAYSIA.+

DR. TAN, SAMBIL MEMBUAT CADANGAN YANG SAMA MENGGESA KERAJAAN MENJADIKAN PENGUNDIAN WAJIB KE ATAS SEMUA WARGANEGARA YANG BOLEH MENGUNDI.

BELIAU JUGA MAHU WARGANEGARA BERUMUR 21 TAHUN KEATAS TERDAFTAR SECARA OTOMATIK DAN GERAKAN PENDAFTARAN DIJALANKAN DI SEPANJANG TAHUN.

ENCIK OMAR IBRAHIM BERKATA, PARTINYA KALAH SEBAB UTAMA KERANA TIDAK ADA WANG.

BELIAU JUGA MENUDUH BARISAN MENGGUNAKAN CARA YANG TIDAK SEHAT UNTUK MEMANCIING UNDI. --BERNAMA 1211/YF